

D O 2 9

u B548 DEB

PM- PERUTUSAN

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 8.30 MALAMINI)

1984

KUALA LUMPUR, 31 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAMINI MENGAJAK RAKYAT BERSIKAPBERANI MENDEDAKAMKAN SECARA TERBUKA PERBUATAN KURANG AMANAH DISISIKERAJAAN SUPAYA IA DAPAT DIPERBAIKI BERSAMA-SAMA.

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU FITNAH DILEMPARKAN DI BELAKANG KERAJAAN DAN ORANG TERTENTU DIBURUK-BURUKKAN KERANA AMALANSEUMPAMA ITUJUGA SEJENXS RASUAH JUGA.

DALAM PERUTUSAN TAHUN BARUNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN PULA BERTEKUNMENCIPTAPERISTIWA KURANG AMANAH DI PIHAK KERAJAAN ATAU ORANG TERTENTUSEMATA-MATA KERANA INGIN MENGGAGALKAN KEMPEN MENGGALAKKAN RAKYAT BERAMANAH.

BELIAUBERKATA, SEBAB KERAJAAN MENYEBUT AMANAH SEHINGGA MEMBOSANKAN ADALAH JELAS IAITU KERANA MASYARAKAT YANG PENUHDENGAN ORANG YANG TIDAK BERAMANAH AKAN MEMBEBAKAN SEMUALAPISAN RAKYAT.

+KITA HARUSINGAT BAHAWA SEPERTIMANA KURANG AMANAH DIPIHAK ORANG LAIN AKANMENJEJASKAN KERJAKITA, KURANG AMANAH DIPIHAKKITA AKAN MENJEJASKAN KERJA ORANG LAIN,+ KATA PERDANA MENTERI.-- LAGI
1917MST 31 12 84

U B554 DEB

PM-PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) RRR

PERDANA MENTERI MEMBIDAS SETENGAH-SETENCAH GOLONGANDIKALANGAN RAKYAT YANGBUKAN SAHAJA TIDAK MAHU MENGAMALKANNILAI-NILAIMULIA SEPERTI AMANAH, CEKAP, BERDISIPLIN, RAJIN DAN MENUNJUKKAN KEPIMPINAN YANG BAIKTETAPI SENGAJA CUBA MENGHALANGAMALANNYA.

KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGI MEREKA BERAGAMA ISLAM NILAI-NILAIITUJUGADITUNTUT DAN DIMULIAKAN OLEH AGAMA MANAKALA BAGIMEREKABUKAN BERAGAMA ISLAM NILAI-NILAIITU SEJAGAT DAN DITERI BAIKOLEH SEMUA.

BELIAU MENYERU SETIAP WARCANEGARA MALAYSIA BERAZAM UNTUK MENGAMALKAN DENGAN JUJUR DAN IKHLAS SLOGAN-SLOGAN KE ARAH KEBAIKAN YANG DIANJURKAN OLEH KERAJAAN SEBAGAI RESOLUSI MEREKA UNTUK TAHUN 1985.

PERDANA MENTERI YAKIN MALAYSIA DENGAN CUKUP SUMBER ALAM, TANAH SUBUR, BEBAS DARIPADA BERBAGAI-BAGAI MALAPETAKA DAN INFRASTRUKTUR BERMUTU TINGGI, BERPOTENSI MENJADY NEGARA MAJU DALAM MASA LEBIH SINGKAT DARIPADA YANG DIPERLUKAN OLEH LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETIAP KALI KERAJAAN MEMBENTUK SUATU DASAR ATAU MENGAMBIL SESUATU LANGKAH, NIATNYA IALAH UNTUK MENGELAKKAN SEBARANG PERKARA YANG BOLEH MEMBAWA MUDARAT KEPADA NEGARA DAN PENDUDUK, KHUSUSNYA WARGANEGARA.

KERAJAAN MENEKANKAN PERPADUAN KERANA IA ADALAH ASAS KESTABILAN DAN KEKUATAN. WALAUPUN HAKIKATNYA RAKYAT MASIH BELUM LAGI DAPAT MELUPAKAN KAUM ASAL MEREKA TETAPI INI TIDAK SEPATUTNYA MENGHALANG PERPADUAN NASIONAL, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU MENINGATKAN RAKYAT BAHAWA PERPADUAN TIDAK AKAN WUJUD JIKA API PERKAUMAN DITIUP TANPA TANGGUNGJAWAB.

KATANYA WALAUPUN ADA USAHA UNTUK MEMBAKAR PERASAAN PERKAUMAN DAN FANATISME MELALUI SALAH TAFSIRAN AGAMA, SEBAHAGIAN BESAR RAKYAT MENOLAK KEGIATAN ITU.

PARTI-PARTI POLITIK YANG CUBA MEMBESAR-MEMBESAR SERTA MEMBURUK-BURUKKAN MASALAH SOSIAL DAN KECEMARAN ALAM SEKITAR JUGA GAGAL MENCETUSKAN HURU-HARA YANG MEREKA HARAPKAN, KATANYA,

PERDANA MENTERI YAKIN MALAYSIA TERUS AMAN DAN MAKMUR JIKA RAKYAT MENGIKTIRAF HAKIKAT SEBENAR DAN TIDAK MEMBUTAKAN MATA DAN HATI MEREKA.

SEMENTARA ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM, DATIN MARIA DAN KELUARGA YANG BECUTI DI LUAR NEGERI SELEPAS MENUNAIKAN UMRAH DI M A K K A H JUGA MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU KEPADA SELURUH RAKYAT.-- BERNAMA
2011MST 31 12 84